

02/09/1997

Kawasan sekitar Pantai Tok Bali dimaju

PASIR PUTEH, Isnin - Sekitar kawasan Pantai Tok Bali, dekat sini akan dibangunkan dengan pelbagai kemudahan prasarana termasuk usaha membangunkan projek ekonomi yang boleh dimanfaatkan ke arah meningkatkan taraf hidup penduduk setempat.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Semerak, Kamarudin Mohd Nor, berkata kajian itu juga membabitkan usaha menggerakkan projek ekonomi berasaskan industri pelancongan.

Menurutnya, beberapa tokoh korporat sudah menyatakan dibawa meninjau kawasan berkenaan untuk meninjau sekitar kawasan itu bagi mengenal pasti potensi yang sesuai dibangunkan.

"Sebagai langkah awal, kemudahan asas seperti bekalan air dan tandas awam akan disediakan dengan kerjasama penduduk tempatan, khususnya pemilik tanah atau pengusaha gerai di kawasan terbabit," katanya kepada Berita Harian, di sini hari ini.

Sehingga kini, pengunjung pantai itu menghadapi kesukaran mendapatkan bekalan air bersih serta tandas ketika berkunjung ke situ.

Kamarudin berkata, pantai Tok Bali berpotensi dijadikan pusat pelancongan menarik berdasarkan keindahan semulajadi yang cantik serta diindahkannya dengan pembangunan yang dilaksanakan oleh pejabat Kemasin-Semerak.

"Sebagai langkah permulaan, kita akan adakan kemudahan asas yang benar-benar diperlukan oleh orang ramai."

"Kita sedang berusaha mendapatkan kerjasama Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk menyediakan lampu jalan di sekitar kawasan berkenaan," katanya kepada Berita Harian ketika ditemui di sini hari ini.

Menurutnya, keindahan pantai itu yang boleh dijadikan aset bernilai terhadap industri pelancongan seperti dinyatakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika melawat Semerak baru-baru ini.

Beliau berkata, beberapa kawasan sudah dikenal pasti untuk dinaik taraf kepada taraf yang lebih selesa dalam melaksanakan usaha pembangunan di kawasan itu secepat mungkin.

Katanya, hasil pembangunan yang dilaksanakan di situ menghidupkan suasana kampung nelayan Tok Bali dengan pelbagai kegiatan ekonomi, termasuk perniagaan kecil dan industri berasaskan perikanan.

Kamaruddin berkata, Sungai Semerak sepanjang 24 kilometer akan lebih menarik dan boleh dibangunkan dengan pelbagai aktiviti rekreasi air, sebaik sahaja selesainya projek Kemasin Semerak pada tahun 2000.

(END)